

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL  
[LEMBAH PANTAI]**

**TARIKH : 23 NOVEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL [LEMBAH PANTAI]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan keberkesanan agensi-agensi Kerajaan seperti InvestKL dalam mengurangkan kadar pengangguran negara, terutama bagi golongan belia dan para graduan tempatan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Berdasarkan Laporan Kaji Selidik Tenaga Buruh oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), kadar pengangguran belia berumur 15-24 tahun pada suku ketiga 2021 meningkat 0.7 mata peratus kepada 11.7 peratus berbanding 11.0 peratus pada suku kedua 2021. Kerajaan sentiasa berusaha untuk memperluaskan program latihan pekerjaan atau perantisan bagi peningkatan kemahiran (*upskilling*), latihan semula (*reskilling*) dan silang kemahiran (*cross-skilling*) termasuk kepada golongan belia dan graduan di Malaysia

Kementerian Sumber Manusia melalui **PERKESO** telah menyediakan platform peluang pekerjaan dalam portal MyFutureJobs yang perlu dimanfaatkan oleh setiap pencari kerja terutama golongan belia.

Selain itu, PERKESO telah memperkenalkan inisiatif **PenjanaKerjaya** bagi menggalakkan majikan membuat pengambilan pekerja baharu. Di bawah program ini, pekerja baru ditawarkan elauan mobiliti secara *one-off* sebagai persediaan kerja. Inisiatif ini juga menawarkan **Program Perantisan** yang bertujuan menggalakkan majikan memberi peluang kerjaya untuk lepasan sekolah dan graduan berumur 18 hingga 30 tahun. Jumlah perantis yang telah mendapat peluang menjalani perantisan ialah **44,843 graduan**.

PERKESO turut mempergiatkan beberapa program bagi mengawal kenaikan kadar pengangguran rakyat secara keseluruhannya agar kualiti hidup dapat dipertingkatkan seperti:

- i. Program Karnival Kerjaya;
- ii. Program Insentif Pengambilan Pekerja; dan
- iii. Program latihan kemahiran semula dan peningkatan kemahiran melalui Penyedia Latihan yang dilantik.

PERKESO juga bekerjasama dengan Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Belia dan Sukan untuk melaksanakan program-**program penempatan pekerjaan** dan PERKESO turut giat menganjurkan aktiviti temu duga termasuk kepada golongan siswazah dan belia.

Selain itu, Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) PERKESO juga menyediakan program-**program bagi peningkatan modal insan dan kebolehpasaran** pekerja seperti khidmat kaunseling kerjaya, pemprofilan kemahiran, penulisan *resume*, latihan persediaan temuduga, latihan kemahiran bahasa dan penyampaian serta seminar pekerjaan bagi mereka yang mencari pekerjaan.

Selanjutnya, usaha pemerkasaan ekosistem bakat diteruskan melalui program-program di bawah **TalentCorp** yang berfokus kepada pembangunan kebolehpasaran dan kebolehkerjaan bakat muda negara melalui inisiatif antaranya:

a. **Platform analitis penilaian psikometrik bersepadu *Nurturing EXpert Talent (MYNext)***

Platform ini menggabungkan graduan, pekerja, syarikat dan institusi pendidikan untuk merapatkan jurang di antara penawaran bakat dengan pekerjaan masa hadapan (*future jobs*). **Lebih 160,000 profil bakat** telah mendaftar dengan MYNext yang melibatkan 22 institusi pengajian tinggi awam dan swasta.

b. **Program Latihan Industri Berstruktur**

Inisiatif ini bertindak sebagai penggalak kepada penglibatan syarikat dan industri untuk melatih bakat muda dalam negara. Ia juga menawarkan lebih banyak peluang penempatan latihan industri berkualiti melalui insentif potongan cukai berganda.

**Program ini telah memanfaatkan lebih 90,000 graduan dan sebanyak 26% pelatih industri berjaya mendapat pekerjaan pertama hasil dari tugas Latihan Industri.**

c. ***Young Employable Students (YES!)***

Program ini merupakan langkah intervensi proaktif dengan kerjasama pemain industri dan juru latih akademik untuk meningkatkan kemahiran kerjaya graduan dalam elemen kepimpinan, kemahiran insani (*soft-skills*), keusahawanan dan pendedahan kepada perkembangan semasa pasaran pekerjaan.

**Secara keseluruhannya, YES! telah memberi manfaat kepada lebih 10,000 bakat graduan di institusi pengajian tinggi awam dan swasta.**

d. **Kolaborasi Industri-Akademia [*Industry-Academia Collaboration (IAC)*]**

Program ini merupakan jalinan kerjasama industri untuk kebolehpasaran siswazah bagi memastikan bekalan modal insan

berprestasi tinggi dan sedia untuk pasaran di Malaysia. Kolaborasi ini melibatkan **20 institusi pengajian tinggi** dengan lebih **50 industri** dari pelbagai sektor ekonomi.

e. **Program Pengekalan Bakat Tajaan Kerajaan [Scholarship Talent Attraction & Retention (STAR)]**

Program ini merupakan kolaborasi TalentCorp bersama Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk memudahkan para graduan tajaan Kerajaan yang tidak berpeluang mendapat penempatan pekerjaan di sektor awam untuk menyempurnakan ikatan perjanjian biasiswa bersama syarikat dan pemain industri terkemuka Malaysia.

Sehingga Ogos 2021, **lebih 7,000** graduan JPA telah dilluluskan di bawah program ini untuk berkhidmat bersama syarikat berdaftar melibatkan lebih **3,000 majikan**.

Selain itu, Kementerian melalui **Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB)** juga telah melancarkan inisiatif **PENJANA HRDCorp**. Lima (5) skim telah diperkenalkan yang terdiri daripada **Place & Train, B40 Development, SME Development, Industrial Revolution 4.0** dan **Gerak Insan Gemilang (GIG)**.

Skim-skim ini diwujudkan untuk membantu rakyat mendapat penempatan pekerjaan, *self-employed* serta menambah dan meningkatkan kemahiran mereka. Setakat 31 Oktober 2021, PSMB telah meluluskan sebanyak **85,527 pelatih** bagi mengikuti skim-skim yang melibatkan penempatan pekerjaan dan pekerjaan kendiri ini.

Selain itu, PSMB juga menujuhkan **HRDCorp Placement Centre (HPC)** yang berperanan sebagai platform untuk memadankan pekerja dengan peluang pekerjaan yang tersedia oleh majikan. Sehingga kini, sebanyak **35,820 peluang pekerjaan tersedia** melalui HPC dan lebih **4,000 pekerja berjaya** ditempatkan melalui inisiatif ini.